

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

TUKAR BUNGKUSAN/LABEL BERAS TEMPATAN, KPDN AMBIL TINDAKAN TEGAS

PUTRAJAYA, 9 JULAI 2023 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya mempunyai maklumat berhubung penyelewengan oleh **pihak yang tidak bertanggungjawab** cuba mengambil kesempatan dengan menukar bungkusan/label beras tempatan dan dijual dalam pasaran pada harga beras import demi mendapatkan keuntungan berlipat kali ganda.

2. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana **pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama** di bawah **Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011** dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:
 - i. Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM 100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan;
 - ii. Syarikat; boleh didenda sehingga RM 250,000.00.
3. **KPDN** ingin memberikan amaran dan peringatan keras kepada semua peniaga agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan termasuklah **tidak mengambil kesempatan dengan melakukan penyelewengan ke atas penjualan beras dengan menukar bungkusan/label beras tempatan kepada**

beras import dan dijual pada harga jualan runcit beras import bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas.

4. Kementerian juga ingin menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dan sekiranya pengguna mempunyai sebarang maklumat berhubung isu berkaitan boleh mengemukakan aduan tersebut bersama butiran dan maklumat yang lengkap melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://e.aduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. E-mel (e-aduan@kpdn.gov.my);
- v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN, dan;
- vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 9 JULAI 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

